



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM PEMERKASAAN ORGANISASI DALAM KOMUNITI (CBO)
@KPWKM TAHUN 2023**

**11 OGOS 2023 (JUMAAT), JAM 10.00 PAGI
KELAB KOMUNITI
TAMAN TASIK CYBERJAYA, SELANGOR**

Kemaskini 10 Ogos 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinannyaNYA, kita semua dapat berkumpul di majlis yang sangat bermakna pada pagi ini.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Agensi dan Ketua Komuniti yang sudi hadir memeriahkan **Program Pemerkasaan Organisasi Dalam Komuniti @KPWKM Tahun 2023.**

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM dalam usaha untuk mempergiat penyampaian perkhidmatan melalui pendampingan komuniti yang melibatkan intergenerasi dalam usaha mengangkat dan memartabatkan kumpulan sasaran Jabatan selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'.

4. Oleh yang demikian, **Program Pemerksaan Organisasi Dalam Komuniti@KPWKM** yang dilaksanakan pada hari ini merupakan salah satu usaha Kementerian untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran ahli-ahli komuniti yang menganggotai CBO di daerah Sepang sebagai rakan strategik membantu menyantuni kumpulan sasar Kementerian.

5. Kewujudan Organisasi Berasaskan Komuniti atau *Community Based Organization* (CBO) dilihat sebagai asas kepada pembangunan komuniti yang didorong oleh

anggota komuniti itu sendiri. Entiti tersebut diiktiraf memainkan peranan penting dalam membangunkan komuniti setempat menerusi promosi penglibatan komuniti dan tindakan kolektif ahli komuniti dalam menangani masalah setempat serta memenuhi defisit keperluan komuniti dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan hidup.

6. Dalam konteks KPWKM khususnya JKM, CBO terdiri daripada Jawatankuasa PAWE, Jawatankuasa PPDK, Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) dan Pasukan Kebajikan

Kanak-Kanak (PKKK) serta Sukarelawan Kebajikan yang dianggotai oleh ahli komuniti dan organisasi berasaskan komuniti ini menjadi rakan strategik JKM dalam menyantuni dan melindungi kumpulan sasaran di bawah KPWKM. Pada hari ini, ahli CBO didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menyantuni kumpulan sasaran.

7. Program hari ini menggabungkan pelbagai program dan penyampaian perkhidmatan yang direka khusus kepada kumpulan sasaran Kementerian seperti Kempen Pendaftaran OKU, pameran produk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE),

Program Latihan Perkhidmatan Berkaitan OKU (DRST), Program Latihan Kesaksamaan Ketidakupayaan (DET), pameran Pusat Sosial Setempat (PSS), Pusat Transit Remaja kafe@TEEN, perkhidmatan berkaitan kanak-kanak, perkhidmatan JKM, JPW dan LPPKN serta Program Simulasi.

8. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, bantuan kewangan disalurkan kepada CBO sebagai katalis untuk menggerakkan peranan masing-masing menjaga komuniti sendiri demi kesejahteraan masyarakat.

CBO BAGI KANAK-KANAK

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

9. Tanggungjawab bagi membendung isu penderaan atau pengabaian kanak-kanak bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab KPWKM semata-mata. Dalam Akta Kanak-Kanak 2001 telah menggariskan peranan dan kewajipan Pegawai Perubatan, Anggota Keluarga, Pengusaha/Pengasuh dan Anggota Masyarakat untuk melaporkan kes penderaan dan pengabaian.

10. Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MKBKK) di negeri dan daerah yang berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan perlindungan kanak-kanak. **Sehingga Julai 2023, terdapat sebanyak 140 PPKK telah ditubuhkan di seluruh negara, dan sebanyak 11 PPKK adalah terletak di Negeri Selangor.**
11. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) pula merupakan salah satu aktiviti kendalian PPKK yang mana pewujudannya

dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan masyarakat setempat. Usaha ini dilakukan untuk membantu mencegah kes-kes penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak, ponteng sekolah, kerosakan akhlak dan lain-lain masalah sosial. **Sehingga Julai 2023, terdapat sebanyak 142 PAKK telah ditubuhkan di seluruh negara, dan sebanyak 17 PAKK adalah terletak di Negeri Selangor.**

12. Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) pula **ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak (MKBKK) di negeri dan daerah yang berfungsi untuk** menyelaraskan

perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan dan pemulihan atau didapati bersalah atas apa-apa kesalahan. **Sehingga Julai 2023, sebanyak 133 PPKK telah ditubuhkan di seluruh negara dan sebanyak 11 PPKK adalah terletak di Negeri Selangor.**

13. Berikut adalah beberapa saluran yang boleh dilaporkan sekiranya ahli komuniti mengetahui seseorang kanak-kanak itu menjadi atau disyaki menjadi mangsa penderaan atau pengabaian:

- i. Pejabat Kebajikan Masyarakat;
- ii. Balai Polis;
- iii. Hospital yang berhampiran;
- iv. Hubungi Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019-2615999;
- v. Mana-mana ahli Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak atau Pusat Aktiviti kanak-Kanak yang terdapat di kawasan berlakunya penganiayaan; atau
- vi. Melalui Twitter, Facebook, Instagram Jabatan Kebajikan Masyarakat.

KES KEGANASAN RUMAHTANGGA

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

14. Selain daripada kes kanak-kanak, kes keganasan rumah tangga juga merupakan salah satu isu dan masalah yang memerlukan perhatian daripada semua CBO.

15. Berdasarkan statistik JKM **bagi bulan Jan hingga Jun 2023**, JKM telah mengendalikan sebanyak **402 kes keganasan**

rumah tangga di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **83 kes adalah dari Negeri Selangor.**

16. Untuk makluman, terdapat dua jenis perintah yang boleh dimohon untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga, iaitu

- (i) Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO); dan
- (ii) Perintah Perlindungan Interim (IPO).

17. Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) adalah perintah yang dikeluarkan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat Diberi Kuasa (PKMDBK) dalam permohonan yang melibatkan suatu aduan keganasan rumah tangga kepada mangsa keganasan rumah tangga mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

18. EPO boleh dimohon oleh mangsa iaitu suami atau isteri (mengikut perkahwinan yang sah dan boleh dibuktikan dengan dokumen perkahwinan yang diperakui jika berkahwin secara adat), bekas isteri atau suami, kanak-

kanak (di bawah 18 tahun) yang tinggal bersama, orang dewasa yang tidak berkeupayaan seperti OKU, warga emas dan mana-mana anggota keluarga lain seperti anak lelaki atau perempuan dewasa, ibu atau bapa, abang, kakak , adik, saudara lain.

BANTUAN BULANAN JKM

19. Berdasarkan statistik JKM bagi bulan Jan hingga Jun 2023, jumlah penerima bantuan di Malaysia adalah seramai 530,518 penerima dengan peruntukan yang telah

disalurkan adalah sebanyak RM1.05 billion. Daripada jumlah tersebut, penerima bantuan di negeri Selangor adalah seramai 50,198 penerima dengan peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM100.5 juta. Manakala bilangan penerima di Daerah Sepang adalah seramai 2,669 penerima dengan peruntukan yang disalur adalah sebanyak RM5.1 juta.

20. Permohonan bantuan JKM boleh dibuat melalui dua (2) cara. **Pertama, pemohon boleh hadir sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.** Selain itu pemohon juga

boleh **membuat permohonan melalui platform permohonan bantuan secara atas talian.**

Permohonan secara atas talian boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Bantuan Jabatan Kebajikan di laman sesawang <http://ebantuanjkm.jkm.gov.my>.

CBO BAGI OKU

21. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) sebelum ini dikenali sebagai PDK atau *Community-Based Rehabilitation* (CBR), dimulakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia

(WHO).

22. Sehingga Jun 2023, terdapat 564 buah PPDK di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada 18,918 OKU dan 5,144 penyelaras dan petugas. Di Selangor, terdapat 60 buah PPDK di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada 2,193 OKU. Manakala di Daerah Sepang, terdapat 5 buah PPDK di seluruh Malaysia yang memberi manfaat kepada 155 OKU.

WARGA EMAS

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

23. Jabatan Statistik Malaysia menganggarkan pada tahun 2022 bilangan warga emas di Malaysia adalah seramai 3.6 juta orang dan mewakili 11% daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

24. Menurut statistik tersebut, anggaran warga emas pada tahun 2022 di Negeri Selangor adalah seramai 779,200 **orang** manakala Daerah Sepang adalah seramai 33,200 orang.

25. Program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) digerakkan dengan penglibatan komuniti setempat dan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Dengan adanya program sebegini, ianya dapat memberi ruang dan peluang kepada warga emas yang masih aktif dan produktif untuk terus berada dalam komuniti dan mereka boleh terus menyumbang pengalaman dan pengetahuan.

26. Untuk makluman semua, sehingga kini terdapat sebanyak

161 buah PAWE di Malaysia dengan jumlah warga emas berdaftar seramai 52 ribu orang yang terdiri daripada pelbagai kaum. Negeri Selangor mempunyai 17 buah PAWE dengan 4,588 orang warga emas berdaftar manakala terdapat sebuah PAWE di Daerah Sepang dengan seramai 100 orang warga emas berdaftar .

DIREKTORI CBO

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

27. Pada hari ini akan dilancarkan Direktori CBO @ Sepang

yang akan digunakan oleh Ketua CBO sebagai dokumen rujukan semasa menyantuni kumpulan sasaran dalam komuniti yang memerlukan bantuan. Diharapkan dengan adanya Direktori CBO ini dapat mempercepatkan lagi tindakan yang diambil oleh CBO bagi membantu komuniti yang memerlukan.

LAIN-LAIN PERKHIDMATAN DI BAWAH KPWKM

28. Selain daripada perkhidmatan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan

Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah memperkenalkan Pusat Transit Remaja kafe@TEEN yang disediakan oleh bagi tujuan membantu remaja berumur 13 hingga 24 tahun melalui alam remaja dengan selesa dan yakin. Remaja-remaja yang ingin mengisi masa lapang dengan pelbagai aktiviti sihat boleh mendaftar sebagai 'Sahabat' pusat itu. Objektif penubuhan Pusat Remaja Kafe@TEEN adalah untuk menawarkan perkhidmatan kesihatan, kaunseling dan pendidikan dan pembangunan kemahiran khususnya berkaitan penyebaran Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial kepada remaja di

Malaysia.

29. Selain itu, LPPKN turut melaksanakan Program Kempen Kesedaran Kanser Reproduksi Wanita (WCARE) dalam meningkatkan kesedaran semua pihak terutamanya wanita terhadap kepentingan melakukan saringan awal mengesan kanser serviks dan kanser payudara.

30. Yayasan Kebajikan Masyarakat (YKN) salah satu agensi di bawah KPWKM turut memperkenalkan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang merupakan pusat rujukan sosial

yang menawarkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, sokongan emosi khususnya kepada kumpulan sasar KPWKM seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU untuk mendapatkan perkhidmatan sosial yang holistik di satu tempat dengan tujuan untuk mengurangkan isu-isu sosial.

31. PSSS ini akan bergerak ke lokasi yang memerlukan perkhidmatan yang disediakan. Sekiranya pihak CBO memerlukan perkhidmatan PSSS bolehlah menghubungi YKN.

32. Bagi golongan wanita yang memerlukan sokongan sosial dalam pelbagai bentuk, Jabatan Pembangunan Wanita sedia dihubungi dan membantu.

PENUTUP

33. KPWKM dan agensi di bawah Kementarian ini, khususnya JKM merupakan agensi barisan hadapan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam membantu

membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan, dan memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada menikmati faedah kemakmuran negara.

34. Sebagai agensi yang sangat dekat dengan masyarakat, Kementerian ini sentiasa peka dan bersedia untuk menangani cabaran era globalisasi yang kian mencabar. Sejar dengan usaha tersebut, Kementerian menyedari akan kepentingan menggerakkan peranan masyarakat dalam usaha membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial, agar mereka dapat

menjalani kehidupan dengan lebih selesa, dihormati dan tidak disisihkan selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

35. Oleh yang demikian, besar harapan saya agar program pada hari ini dapat memberi informasi berguna kepada semua yang hadir. **Puan-puan dan tuan-tuan juga dimohon untuk menyebarkan segala informasi berguna kepada pihak yang tidak berpeluang mengikuti program kali ini.** Adalah diharapkan lebih ramai orang dapat mengetahui inisiatif, program dan perkhidmatan yang disediakan oleh

agensi di bawah Kementerian ini supaya mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial mendapat manfaat yang sewajarnya.

36. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja JKM di peringkat ibu pejabat dan daerah Sepang serta agensi di bawah KPWKM yang telah bersama-sama menjayakan Program Pemerksaan

37. Akhir kata, dengan **Lafaz Bismillahirrahmanirrohim**, saya merasmikan Program Pemerksaan Organisasi Dalam

Komuniti peringkat daerah Sepang.

Sekian, terima kasih

YB Dato' Sri Hajah Nancy Binti Haji Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

11 Ogos 2023